



**PACIFIC
INSURANCE**

A member of the Fairfax Group

INSURANS MOTOR PRO

www.pacificinsurance.com.my

The Pacific Insurance Berhad adalah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi The Pacific Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Apakah tentang produk ini?

Motor Pro ialah polisi motor Komprehensif Kereta Persendirian yang direka khas untuk pemilik kereta.

Apakah manfaat yang diberikan?

- Liabiliti terhadap pihak ketiga akibat kecederaan atau kematian
- Kerosakan harta benda pihak ketiga
- Kerosakan pada kereta anda akibat kemalangan atau kebakaran
- Kecurian kereta anda
- Manfaat Tambahan Baharu:-



Kecurian ragut
(Had: RM1,000)



Perlindungan Semua
Pemandu yang
Dibenarkan dengan
Lebih Wajib Tarif
Dikecualikan



Kos pembelaan
undang-undang
sehingga RM15,000
terhadap sebarang
pendakwaan awam
berkaitan dengan
penggunaan kereta



Kerosakan akibat banjir
dan gelinciran tanah, atau
konvulsi alam yang lain
sehingga 20% daripada
Jumlah Diinsuranskan
polisi anda, tetapi tidak
melebihi RM15,000

Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium yang dibayar adalah berdasarkan pelbagai faktor penilaian, seperti Jumlah Diinsuranskan, Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD), Buatna dan Model Kenderaan, Keupayaan Enjin Kenderaan, Umur Pemegang Polisi, Jantina Pemegang Polisi, dan lain-lain.



Sebagai ilustrasi, Ahmad, seorang lelaki bujang berumur 30 tahun, memiliki sebuah Perodua Myvi (1496cc) dengan tahun pembuatan 2024 dan beralamat di Kuala Lumpur.

Nilai pasaran semasa kenderaan beliau ialah RM50,000, dan Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD) beliau adalah 0%.

Dengan ini, beliau membayar premium tahunan sebanyak RM1,816.43 bagi polisi Komprehensif Kereta Persendirian standard.

Bagi polisi Motor Pro, dengan bayaran tambahan RM101.76, Ahmad dapat menikmati manfaat tambahan seperti perlindungan kecurian ragut sehingga RM1,000, kos pembelaan undang-undang sehingga RM15,000, perlindungan konvulsi alam terhad sebanyak RM10,000, dan perlindungan semua pemandu yang dibenarkan.

Model Kenderaan	Jumlah Diinsuranskan	Komprehensif Kereta Persendirian Standard	Motor Pro
		Premium yang Perlu Dibayar*	
Perodua Myvi	RM50,000	RM1,816.43	RM1,918.19

Nota: Premium yang perlu dibayar adalah dengan 0 % NCD dan tidak termasuk premium manfaat pilihan, cukai perkhidmatan dan duti setem. Premium sebenar bagi setiap polisi individu adalah berbeza mengikut Profil Risiko pemegang polisi.

Manfaat pilihan motor bagi meningkatkan perlindungan insurans anda dengan bayaran premium tambahan:



Pengendorsan Perkhidmatan Tunda Tanpa Had Tambahan (Endorsmen D06C/D)

Bantuan menunda jika Kereta Anda terlibat dalam sesuatu kejadian di Malaysia, Singapura atau Brunei yang disebabkan oleh kemalangan, kerosakan atau pemulihan daripada kecurian; disediakan secara eksklusif oleh Pacific Roadside Assist kami di 1800 88 4488. Kos alat ganti, caj tol, yuran levi, saman atau bayaran parkir tertunggak yang dikenakan adalah dikecualikan.



Tambah Nilai untuk Perlindungan Konvulsi Semula Jadi Secara Penuh (Endorsmen D022)

Penambahan sehingga Jumlah Diinsuranskan penuh polisi bagi kerugian atau kerosakan pada Kereta Anda yang disebabkan oleh konvulsi alam.



Pembayaran Balik Kos "Betterment" (Endorsmen D02A/B)

Pengecualian kos "Betterment" sekiranya Kereta Anda kurang daripada 15 tahun.



Perlindungan untuk Cermin Depan/Belakang, Tingkap dan Bumbung Matahari (Endorsmen 89)

Memberikan perlindungan bagi kerugian atau kerosakan pada cermin depan/belakang, tingkap dan bumbung matahari akibat kemalangan.



Kemalangan Diri Pemandu dan Penumpang (DPPA)

Perlindungan Kemalangan Diri (PA) untuk pemandu dan penumpang akibat kemalangan semasa menggunakan Kereta Anda.

Manfaat pilihan lain yang anda boleh beli dengan premium tambahan:

- Liabiliti dari segi Undang-Undang terhadap Penumpang* (LLP) (Endorsmen 100)
- Liabiliti Penumpang di sisi Undang-undang kerana Perbuatan Cuai (Endorsmen 72)
- Pampasan "Diskaun Tanpa Tuntutan" Tahun Semasa (Endorsmen 111)
- Elaun Kesulitan (Endorsmen D03A/B/C/D)

* Liabiliti dari segi Undang-undang terhadap Penumpang adalah diwajibkan oleh undang-undang bagi semua kenderaan yang memasuki Singapura.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada perkataan polisi untuk senarai penuh Manfaat Pilihan Motor yang boleh dibeli.

Apakah pengecualian penting di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu daripada atau melibatkan:

- Kematian atau kecederaan anggota badan anda akibat kemalangan motor**
- Liabiliti anda terhadap tuntutan daripada penumpang di dalam kereta anda**
- Penggunaan komersial kereta anda**
- Menggunakan kereta anda untuk sebarang pertandingan (selain acara mencari harta karun), perlumbaan, rali, perentak perlumbaan, ujian keandalan, ujian kelajuan atau di mana-mana litar
- Gagal mengambil langkah-langkah pencegahan terhadap kerosakan tambahan selepas kemalangan
- Risiko peperangan dan risiko yang berkaitan

** Ini dapat diinsuranskan dengan menambah manfaat pilihan dengan pembayaran premium tambahan.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada perkataan polisi untuk senarai penuh pengecualian.

Bagaimana saya membuat tuntutan?

The Pacific Insurance Berhad mesti diberitahu secara bertulis bersama-sama huraian terperinci dengan secepat mungkin selepas kejadian yang mungkin tertakluk kepada tuntutan di bawah polisi ini. Semua kemalangan mestilah dilaporkan kepada polis dalam tempoh 24 jam seperti yang dikehendaki oleh Undang-undang. Setelah membuat laporan polis, kereta anda boleh dihantar ke mana-mana bengkel pembaikan yang diluluskan seperti di bawah:

- (a) bengkel membaiki motor dalam panel bengkel pembaikan yang diluluskan oleh kami;
 - (i) Kami akan memastikan bilangan bengkel membaiki motor yang diluluskan dalam panel kami adalah mencukupi untuk menyediakan akses yang munasabah dan mudah kepada anda;
 - (ii) Jika tiada panel bengkel membaiki motor yang diluluskan di mana-mana lokasi berdekatan sekiranya berlaku insiden, kami mungkin atas budi bicara kami memilih sama ada:
 - membantu anda mengakses bengkel membaiki motor yang terdekat dalam panel kami dan mengatur perkhidmatan menunda ke bengkel yang dipilih tanpa sebarang kos kepada anda; atau
 - membenarkan kereta yang rosak itu dibaiki di mana-mana bengkel pembaikan kemalangan berdekatan yang berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), sebagaimana yang ditentukan oleh kami.

atau

- (b) mana-mana bengkel pembaikan lain yang kami telah memberikan kebenaran khas kepada anda untuk menggunakannya. Keadaan di mana kebenaran khas boleh diberikan oleh kami termasuklah:
 - (i) tiada bengkel pembaikan yang diluluskan seperti yang dinyatakan di bahagian (a) di atas di lokasi kereta anda, dan kami tidak dapat membantu anda untuk mengakses bengkel membaiki motor yang terdekat dalam panel kami atau yang berdaftar dengan JPJ;
 - (ii) pembaikan yang memerlukan kepakaran khas daripada bengkel pembaikan yang khusus yang tidak boleh disediakan oleh bengkel pembaikan yang diluluskan; dan
 - (iii) Bengkel pembaikan francais.

Sekiranya berlaku sebarang kerosakan atau pecah pada cermin, di mana penambahan cermin dilanjutkan, kereta anda boleh dihantar ke mana-mana kedai pembaikan cermin, serta mana-mana bengkel pembaikan yang diluluskan untuk dibaiki atau diganti.

Bagi senarai lengkap bengkel pembaikan yang diluluskan, sila rujuk pautan di bawah:

<https://www.jpj.gov.my/bengkel-kemalangan/>

Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lebih lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans motor, sila hubungi:-

The Pacific Insurance Berhad

No. Pendaftaran (Baharu) 198201011878 (Lama: 91603-K)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

40-01, Q Sentral, 2A Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

(P.O. Box 12490, 50780 Kuala Lumpur, Malaysia)

Tel: +603-2633 8999 Faks: +603-2633 8998 Talian Bebas Tol: 1-800-88-1629

Laman Sesawang: www.pacificinsurance.com.my Emel: customerservice@pacificinsurance.com.my

Sila layari laman sesawang kami untuk senarai cawangan serta maklumat perhubungan masing-masing



NOTA PENTING:

- Insurans ini tidak akan berkuat kuasa melainkan premium yang perlu dibayar telah dijelaskan.
- Huraian perlindungan ini merupakan ringkasan untuk rujukan yang cepat dan mudah. Terma dan syarat tepat yang terpakai adalah seperti yang dinyatakan dalam Dokumen Polisi.
- Anda boleh meminta untuk melihat polisi insurans sebenar sebelum mendaftar. Sila hubungi kakitangan Khidmat Pelanggan Pacific Insurance untuk mendapatkan bantuan.
- Sekiranya terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi terjemahan risalah ini, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.

DAFTAR SEKARANG UNTUK INSURANS MOTOR PRO!!!

Untuk maklumat lanjut:

 Hubungi ejen anda, atau mana-mana wakil kami

Cop ejen / Butiran perhubungan:

Talian Hotline Khidmat Pelanggan Pacific Insurance Berhad ialah @03-26338999
/ Talian Bebas Tol: 1-800-88-1629

** Risalah ini bukan merupakan kontrak insurans. Terma, syarat dan takrifan yang tepat adalah seperti yang dinyatakan dalam polisi insurans.*